

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

• Faks +6-03 8871 3342

• kajian_ippbm@youth.org.my

JELAJAH BELIA 2007

JELAJAH BELIA 2007 adalah satu wadah Kementerian Belia dan Sukan bagi mengimbau kembali peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh golongan belia dalam mencapai kemerdekaan negara dan juga usaha-usaha pembangunan belia yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang 50 tahun merdeka. Menjangkau tempoh 50 tahun kemerdekaan ini, jasa dan sumbangan golongan belia dalam usaha memerdekaan negara dan membangunkan belia dipaparkan mengikut turutan era di dalam JELAJAH BELIA 2007.

- Era Pra Kemerdekaan
 - Pengorbanan belia menuntut kemerdekaan
- Era Pemerintahan Jepun Dan Darurat
 - Semangat waja belia memperjuangkan kemerdekaan
- Era Kemerdekaan
 - Belia Pencetus Kemerdekaan
 - Belia Penjana Ekonomi
 - Belia Teras Perpaduan
 - Belia Merealisasikan wawasan
 - Pembangunan Belia Modal Insan

Destinasi **JELAJAH BELIA 2007** atau “*Tunnel of Youth*” bermula di kawasan parliment Menteri Belia dan Sukan YB Dato’ Seri Azalina Othman Said iaitu di Dataran Kejora, Bandar Penawar pada 26 hingga 30 April 2007. Bertemakan “**Belia Peneraju Kemerdekaan Gemilang**”, Jelajah Belia 2007 telah berjaya mengumpulkan sejumlah 4,332 orang belia di seluruh pelusuk kampung.

Bersempena dengan upacara kemuncak Sambutan Hari dan Minggu Belia Negara pada 15 Mei 2007, YAB Dato’ Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan Jelajah Belia 2007 dengan menandatangani plak Jelajah Belia 2007 bertempat di Stadium Merdeka, Bukit Jalil. Jumlah sasaran belia yang telah menjelajahi setiap era di dalam “*Tunnel of Youth*” adalah menjangkau 32,675 orang.

Berdasarkan tinjauan dan temubual yang dijalankan kepada belia yang mengunjungi pameran Jelajah Belia 2007 mereka berpandangan bahawa, maklumat dan hasil penyelidikan yang dilakukan dan disemadikan di dalam pameran Jelajah Belia 2007 ini banyak membantu mereka mengetahui dan mendalami pengorbanan belia terdahulu dan peranan kerajaan dalam usaha membangunkan belia. Melalui bahan-bahan pameran yang disediakan mereka sedar bahawa pengorbanan belia terdahulu menjadikan mereka lebih bersemangat untuk mengekalkan keamanan dan lebih berjiwa patriotisme terhadap negara dan tanah air tercinta.

Menurut mereka lagi, sebagai pewaris bangsa merdeka mereka harus sedar dan menghargai jasa-jasa dan

sumbangan serta pengorbanan belia terdahulu di dalam memperjuangkan kemerdekaan negara. Malah mereka amat mengalu-alukan usaha yang diadakan ini khusus bagi mengimbas semula pengorbanan dan sumbangan belia terdahulu dan amat bertepatan dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara.

Bagi meneruskan kesinambungan Jelajah Belia 2007, mereka memberikan cadangan agar pameran ini dibawa menjelajah ke seluruh Malaysia agar semua warga negara mengetahui dengan lebih dekat peranan golongan belia dan menjadi role model kepada warga belia untuk menyumbang kepada pembangunan belia negara secara menyeluruh. Sesunguhnya setiap dari kita memegang amanah dan memainkan peranan dalam mendaulatkan negara.




Tinta CEO

Alhamdulillah.....bersyukur kita ke hadrat ilahi, ‘Fakta’ yang pertama berjaya dihasilkan dan kini kemunculan ‘Fakta’ yang seterusnya. Adalah menjadi harapan besar pihak institut sekiranya ‘Fakta’ menjadi dimensi penyebaran dan perkongsian maklumat di kalangan semua pihak yang berkepentingan di dalam memperkasakan belia negara kita.

Istimewa keluaran ini memandangkan ia adalah di dalam kalender Sambutan Hari dan Minggu Belia Negara iaitu di sambut pada 15 Mei setiap tahun. Pelbagai aktiviti dilakukan bersempena sambutan ini dan aktiviti-aktiviti ini diharapkan akan dapat memberikan peluang dan panduan kepada warga belia untuk membangunkan diri ke arah pembangunan diri lebih positif.

Fokus institut di dalam penyelidikan sepanjang tahun ini adalah untuk melihat keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian. Hasil kajian ini adalah diharapkan agar memperkasakan lagi setiap perancangan dan perlaksanaan program di setiap jabatan di kementerian. Gabungan penyelidikan dan perancangan yang berstrategik secara praktikalnya adalah bermatlamatkan untuk menyediakan pewaris kemerdekaan yang serba boleh sebagai persiapan menerajui kepimpinan negara kelak.



Tinta Ketua Pengarang

Tanpa disedari, masa telah berlalu dengan begitu pantas dan kini keluaran edisi kedua Buletin Fakta 2007 menemui para pembaca sekalian.

Fakta kali ini mengutarakan liputan peristiwa menarik IPPBM serta kajian-kajian yang dijalankan oleh IPPBM. Di antaranya adalah Program Perbincangan Meja Bulat yang merangkumi perkara agenda ‘*UN World Youth Report 2005*’, ‘*Luncheon Talk*’ bagi pegawai-pegawai KBS mengenai isu ketaksamaan jantina bertajuk ‘*Economic Transformation in Malaysia and Gender Inequality*’, dan Program Jelajah Belia 2007 yang mengimbas kembali peranan dan sumbangan golongan belia terdahulu dan peranan kerajaan dalam pembangunan belia. Di samping itu, Fakta kali ini mengetengahkan hasil penyelidikan kajian yang telah lepas, daripada Grant Penyelidikan IPPBM, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mengenai impak bahan bacaan dan bahan literasi popular ke atas belia Malaysia yang bertajuk ‘*Changing The Paradigm Of Youths Through Popular Novels: The Construction of Human Development Modules*’. IPPBM juga telah turut dipertanggungjawabkan menjadi Sekretariat program bagi Program AYLDP 2007, iaitu suatu program ASEAN bagi memantapkan ilmu kepimpinan pemimpin belia peringkat ASEAN.



Adalah diharapkan sajian serta juadah yang kami hidangkan akan membuka selera para pembaca untuk menikmati halwa minda, dan seterusnya mendapat manfaat yang berguna daripada input Buletin Fakta pada kali ini.

**“Ilmu yang tidak dimanfaatkan.....
Ibarat pohon yang tidak berbuah”**

Belia Malaysia 2006: Pembangunan Kendiri

"Penggunaan indikator negatif perlu dikurangkan kerana ia hanya menunjukkan kelemahan diri belia dan tidak menggambarkan potensi sebenar yang ada pada diri golongan belia"

(Prof. Dr. Samsudin A. Rahim; CEO, IPPBM).

Sehubungan dengan itu, Indeks Belia Malaysia (IBM) telah memperkenalkan satu domain indeks untuk menilai pembangunan kendiri belia. Domain pembangunan kendiri mempunyai tujuh indikator iaitu penghargaan diri, efikasi diri, motivasi, pencapaian, emosi, asertif, tahap stress dan kemurungan. Hasil kajian menunjukkan domain ini berada pada tahap baik dengan nilai skor adalah 68.8.

Dua skor indikator berada pada aras terendah adalah emosi dan asertif. Ini menunjukkan bahawa belia mempunyai kawalan emosi yang rendah dan tidak mempunyai keupayaan menolak pengaruh luar yang baik. Belia didapati tidak berada dalam keadaan tertekan. Tetapi mengalami keadaan kemurungan.

Rajah 3 Domain Pembangunan Kendiri	
Domain Indeks	Skor
Pembangunan Kendiri	71.9
Efikasi Diri	71.1
Motivasi	72.9
Emosi	58.3
Asertif	56.5
Stres	89.9
Kemurungan	61.0
Skor	68.8

— Pembangunan kendiri
— Tahap sangat baik
— Tahap sederhana baik
— Tahap kurang baik



Persidangan Meja Bulat:

SUMBANGAN DAN PERSPEKTIF MENGHADAPI ISU-ISU BELIA


Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat dengan tema "Pembangunan Belia Malaysia" bertempat di ESSET, Bangi pada 27 Mac, 2007. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KBS, Dato' Mohd Yasin Salleh mewakili Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM, menyatakan bahawa, perbincangan meja bulat ini diadakan sebagai satu tindakan susulan selepas lawatan kerja Dato' Azalina Dato' Othman Said ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 4 hingga 6 Oktober 2005. Perbincangan yang bertemakan 'Pembangunan Belia' ini dianjurkan sebagai persediaan bagi menghasilkan satu laporan mengenai status pembangunan belia di Malaysia sebagai satu respon kepada *World Youth Report 2005* yang telah diterbitkan oleh PBB (<http://www.un.org/esa/socdev/unvin/wyr05.htm>). Perbincangan serta pembentangan kertas kerja yang diutarakan adalah di dalam ruang lingkup empat tajuk utama iaitu:

1. *Youth In Global Economy*
3. *Globalization & Digital Divide*
2. *Youth At Risk*
4. *Youth & Civil Society*

Tajuk-tajuk yang dibentangkan adalah bertepatan dengan persoalan-persoalan penting 'World Programme of Action for Youth' di dalam 10 perkara penting: (1) Pendidikan, (2) Pekerjaan, (3) Kemiskinan, (4) Kesihatan, (5) Alam Sekitar, (6) Penyalah Gunaan Dadah, (7) Delinkuensi Juvana, (8) Aktiviti Masa Senggang, (9) Wanita Remaja dan Wanita Muda, (10) Keterlibatan Belia Dalam Membuat Keputusan, serta lima perkara tambahan iaitu: (1) Globalisasi, (2) Teknologi Maklumat dan Komunikasi, (3) HIV/AIDS, (4) Belia dan Konflik Bersenjata dan (5) Perhubungan Antara Generasi.

Perbincangan ini diharapkan membuka ruang kepada agensi-agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, ahli akademik dan mereka yang prihatin dengan isu pembangunan belia di Malaysia. Perbincangan ini juga bermotifkan untuk membawa perancangan strategik dalam menangani isu belia di Malaysia. Menteri Belia dan Sukan dalam ucapannya yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha kementeriannya, menyatakan bahawa persidangan ini adalah sumbangan dan perspektif kerajaan dalam menghadapi isu-isu berkaitan belia baik di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Respons di dalam *World Youth Report 2005* ini akan menonjolkan usaha-usaha Malaysia dalam membentuk satu generasi pewaris sebagai teras modal insan menuju wawasan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.



Liputan sekitar
Persidangan Meja
Bulat



Changing The Paradigm Of Youths Through Popular Novels: The Construction Of Human Development Modules



A research study was done to examine the reading patterns of Malaysian Youths. 1227 questionnaires were distributed to respondents comprising of youths throughout Malaysia. Amongst the site locations were small townships and towns around Perlis, Kedah, Penang, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Malacca, Johore, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah and Sarawak. The main objective of the research is to study the reading patterns amongst the Malaysian youths. Meanwhile, the specific objective of the research is to ascertain whether there are reading trends and hobbies amongst the youths based on their gender, race, age and location. The research questionnaires covered items pertaining to the respondents' back ground such as gender, race, age, location, mother tongue, Bahasa Melayu and English language competency, and the respondents' highest education level. The questionnaires also covered aspects such as the respondents' parents' background: the parents' highest level of education and their income to provide the historical socio-economical background.

Various methodology were employed that involved quantitative and qualitative research. The questionnaires of the research encompassed: hobbies, reading materials, magazines, and novels by youths, and issues on contents that youths favour most. The questionnaires were in ordinal form. The Malays comprised the highest percentage of the respondents (77.6%), followed by the Chinese (12%), Indians (6.3%) and other races (4.5%). The findings from the analysis were quite biased and inclined towards the Malays preferences. Hobbies such as watching DVD/VCD demonstrated almost equal results findings for both genders 47.1% male and 52.9% females. Other hobbies covered in the research were music, playing 'Play Station' games and computer games and involvement in extreme sports.



piety towards parents, relationships issues and entertainment. The researchers found that many magazines that have negative elements were placed within easy reach of children or any persons, and were easily available by the street-sides, walkways and small shops. This has a huge implication towards the impact of these varieties of reading materials. The content analysis of the popular magazines preferred by the youth indicates a high level of lurid sex contents, love issues, violence, mystics and forms of tortures. The contents of the literature materials accessed by youths are not in conformity and do not affirm their admission towards more positive and innocent subject matters. It could not be denied that there were positive elements such as moral values, educational values and jokes that were found in the materials. However, the content analysis showed an overall negative influence inherent and embedded throughout the reading materials, which were quite alarming and disturbing.

The research findings discovered various innovative elements employed and that the materials were:

- against the religious and cultural norms of the society
- exhibiting contents, articles, graphics and advertisements that openly contained negative elements such as violence, fantasies ,taboos, fashion and western lifestyle

The implication of the research study:

- deterioration of our culture and identity
- the magazines and literary materials may have impact on the morale of Malaysian youths

Recommendations from researchers:

- The issues should be addressed through policy: at governmental and ministry level
 - Ministry of Defence (PLKN), Ministry of Information, Ministry of Education and the setting up of 'youth centres' as 'stop-gap' measures



The research covered an in-depth study on the profile of the magazines preferred by the youths, out of which, 4 magazines were discovered to be the 'choice' magazines by youths, namely: Utopia, Remaja, Ujang and Mastika (Disclaimer: these are views and interpretations of the researchers on the chosen magazines studied and are subjective). There were also youths that read novels by youths, and they prefer love stories, friendship, and filial

Supervision of licensing, content and transparency should be ascertained and monitored and a rating system should be implemented. Awareness and educational programmes on media literacy should be executed and it is also recommended that the construction of a Human Capital Development programme carried out that encompassed: Gender Relationships, Domestic Violence and Ethnic Relations.

Luncheon Talk:



'Economic Transformation in Malaysia and Gender Inequality: Implications for the Malaysian Youths'



Majlis 'Luncheon Talk' bagi Tahun 2007 telah diadakan pada 8 Mei 2007 dengan menjemput 'Felo Kehormat' IPPBM, iaitu Y.A.D. Datin Paduka Professor Dr. Jamilah Ariffin, yang juga isteri Menteri Besar Johor sebagai penceramah jemputan. Beliau pernah terlibat di dalam kumpulan pakar Komanwel (Commonwealth Expert Group) di London mengenai '*The Impact of Structural Adjustment*' dan telah menghasilkan penerbitan ilmiah '*Women and structural Adjustment*' pada tahun 1990. Beliau juga menjadi pakar rujuk untuk *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific-ESCAP* dan banyak pertubuhan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, dan telah banyak berjasa kepada masyarakat setempat, bangsa dan juga negara. Tajuk ceramah beliau pada majlis 'Luncheon Talk' tersebut adalah, '*Economic Transformation in Malaysia and Gender Inequality: Implications for the Malaysian Youths*'.

Antara elemen yang diketengahkan adalah *Economic Transformation Process*, *Feudal Social Order*, *Transformation Under British Colonial Rule*, *Transformation from Economic Growth in Malaysia (1990's)*, *Implications for the Youths of Malaysia* dan *What is The Solution?* Datin Paduka Professor Dr. Jamilah Ariffin membuat analisa kajian berdasarkan ruang lingkup impak di peringkat global ke atas konfigurasi tempatan dari segi transformasi ekonomi berhubung dengan jantina. Secara umum, masyarakat setempat masih mengamalkan sistem patriarki yang memberi keutamaan dan keistimewaan bagi kaum lelaki dari segi layanan, peluang dan sebagainya. Kaum wanita terpinggir dalam beberapa aspek dan implikasi ketaksamaan ini membawa kepada: peningkatan kadar penceraian dan ibu tunggal, peningkatan kadar keganasan rumah tangga serta peningkatan kadar sumbang mahram.



▪ Gambar-gambar di sekitar 'Luncheon Talk'.

Di antara saranan untuk menangani beberapa permasalahan yang berkaitan dengan isu ini adalah: kaum dewasa haruslah menjadi contoh teladan yang baik, peranan media massa adalah untuk mempromosi kesetiaan di dalam ikatan perkahwinan, monogami harus diberi keutamaan dan poligami sebagai langkah terakhir, keluarga yang mengalami permasalahan dan disfungsi haruslah mendapatkan khidmat kaunseling dan penceraian sebagai jalan yang terakhir bagi penyelesaian masalah dalam sesuatu perkahwinan kerana impaknya terhadap anak-anak. Terdapat beberapa inisiatif untuk mewujudkan indeks yang mengukur kedudukan wanita, yang akan dapat dimanfaatkan dari segi perancangan program, strategi serta penstrukturran dan perlaksanaan polisi kerana kaum wanita adalah sebahagian besar daripada aset modal insan negara.



ASEAN Youth Leadership Programme 2007

An ASEAN Youth Leadership Development Programme 2007 was held in Malaysia recently from 24 – 30th March 2007. The event was held mostly at the Academy for Youth Development in Port Dickson, and partly in Kuala Lumpur and Putrajaya. The ASEAN Youth Leadership Development Programme (AYLDP) is a flagship intervention under the Youth sector of ASEAN, Malaysia. Under the ASEAN Work Programme on 'Preparing ASEAN Youth for Sustainable Employment and Other Challenges of Globalisation, there were two projects: the ASEAN Youth Leadership Development Programme on Training of Trainers and the ASEAN Youth Day Meeting in August 2004, Brunei Darul Salam. Malaysia has decided to upbeat a new and modified version of AYLDP after a special experts group meeting in Jakarta in 2003 and had been endorsed by the 3rd AMMY in Manila in the same year.

S I D A N G PENGARANG

PENAUNG

Prof. Dr. Samsudin A.Rahim

PENASIHAT

Puan Hjh. Che Zaharah
Abd.Hamid

KETUA PENGARANG

Pn. Hjh. Siti Aishah Yahya

PEN. KETUA PENGARANG

Pn. Aishah Hj. Kasa
Fouzia Hassan Abdullah

KETUA EDITOR

Shariffah Mamat

SIDANG REDAKSI

Jack Janda Anak Pioh
Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah

PUBLISITI

Mohd Farius Bujang
Nurul Miza'an Yacob
Ariffin Abd. Rahman

The AYLDP programme comprised of plenary sessions, consultations/workshops, and break-out sessions with topics:

- a) Rural poverty/poverty eradication
- b) ICT
- c) Youth Professionalism
- d) Human Capital
- e) HIV/AIDS and drugs abuse and
- f) Disaster Management and Emergency response.

IPPBM was Secretariat for the AYLDP 2007 programme. The resolutions from the proceedings were as follows:

1. For the secretariat to pursue matters on a possible ASEAN Youth Index
2. A matter of standardising the definition of youth in ASEAN countries
3. For the AYLDP to be a continuous annual event for all ASEAN member countries
4. The sharing of knowledge from Malaysia on the Youth Index and Youth Mapping
5. Many ASEAN member countries are interested in the CYP Diploma Programme in Malaysia
6. ASEAN member countries experience 'digital divide' in ICT access and implementation, HIV/AIDS and unemployment amongst youth
7. Creating a better understanding between member countries by having suitable programmes.